



Headline: Waspada penipuan guna label PRIHATIN, Language: Malay
PENJANA

Publication/Portal: Berita harian
Date: 15 July 2020

Section: Bisnes
Page: 39

Waspada penipuan guna label PRIHATIN, PENJANA

Orang ramai diminta untuk berwaspada dan peka terhadap laman sesawang serta aplikasi yang tidak pasti kesahihannya yang menggunakan inisiatif di bawah label Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) atau Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) supaya tidak menjadi mangsa penipuan.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata sejak kebelakangan ini terdapat beberapa kes penipuan membabitkan kerugian wang yang besar.

Antaranya, beliau berkata, kes seorang guru wanita yang ditipu melalui 'love scam' membabitkan kerugian RM112,000 dan seorang pesara berusia 90 tahun yang mengalami kerugian RM3.83 juta akibat 'Macau Scam'.

"Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan untuk lebih peka, jangan mudah panik dan menyelidik sebelum membuat sebarang transaksi kewangan.

"Begitu juga sekiranya terdapat panggilan daripada mereka yang menyamar sebagai 'pihak berkuasa' atau 'agensi kerajaan' yang meminta data peribadi atau pindahan wang bagi mengelakkan 'tindakan undang-undang'.

"Orang ramai dinasihatkan untuk menyemak dengan pihak yang berkuasa atau agensi kerajaan berkenaan dahulu untuk mendapat kepastian," katanya dalam Laporan LAKSANA Ke-13 pelaksanaan PRIHATIN dan PENJANA.

Tengku Zafrul berkata, orang ramai boleh mendapatkan maklumat mengenai taktik penipuan dan cara-cara melindungi diri daripada laman Facebook Bank Negara Malaysia bertajuk 'Amaran Scam' di <https://www.facebook.com/amaranpenipuan>.

"Bagi mereka yang berasakan sudah menjadi mangsa penipuan, sila hubungi BNMTELELINK di talian 1300-88-5465.

"Orang ramai juga perlu peka terhadap laman sesawang dan aplikasi yang tidak pasti kesahihannya yang menggunakan inisiatif di bawah label PRIHATIN atau PENJANA," katanya.